

PENGIKTIRAFAN ISLAM TERHADAP HAK WANITA DALAM BIDANG PENDIDIKAN DAN KERJAYA

Azhar Muhammad
Yahaya Jusoh
Bushrah Basiron
Kamarul Azmi Jasmi

Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan social, Universiti Teknologi Malaysia

Suggested Citation:

Muhammad, A. Jusoh, Y. Basiron, B., Jasmi, K. A. (2005). Pengiktirafan Islam Terhadap Hak Wanita dalam Bidang Pendidikan dan Kerjaya in *International Seminar On Muslim Women: Future & Challenges In Shaping The Ummah* at Sofitel Palm Resort on 02-03 April 2005, pp 1-13.

Abstrak

Islam telah menetapkan hak-hak wanita yang perlu dipatuhi oleh semua pihak. Pendidikan dan kerjaya merupakan bidang yang dicebuh oleh setiap individu sama ada lelaki atau wanita terutama dalam dunia globalisasi kini. Tuntutan agar setiap individu menceburi kedua-dua bidang ini banyak terdapat dalam alQuran dan sunnah yang meliputi kedua-dua jantina sama ada lelaki ataupun wanita. Wanita perlu memanfaatkan hak ini agar dapat bersaing dalam arus dunia tanpa sempadan. Kertas kerja ini akan mengimbas pandangan Islam mengenai hak wanita dalam bidang pendidikan dan kerjaya. Panduan daripada al-Quran, sunnah, peninggalan sejarah dan contoh yang dilakukan oleh para sahabat dan sarjana Islam memberikan pengiktirafan terhadap hak wanita dalam kedua-dua bidang tersebut. Pengiktirafan ini membuktikan bahawa Islam mementingkan perkembangan diri dan pembangunan umat tanpa melihat kepada perbezaan jantina.

PENGIKTIRAFAN ISLAM TERHADAP HAK WANITA DALAM BIDANG PENDIDIKAN DAN KERJAYA*

Azhar Muhammad

Yahaya Jusoh

Bushrah Basiron

Kamarul Azmi Jasmi

Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial

Universiti Teknologi Malaysia

ABSTRAK

Islam telah menetapkan hak-hak wanita yang perlu dipatuhi oleh semua pihak. Pendidikan dan kerjaya merupakan bidang yang dicebuh oleh setiap individu sama ada lelaki atau wanita terutama dalam dunia globalisasi kini. Tuntutan agar setiap individu menceburi kedua-dua bidang ini banyak terdapat dalam al-Quran dan sunnah yang meliputi kedua-dua jantina sama ada lelaki ataupun wanita. Wanita perlu memanfaatkan hak ini agar dapat bersaing dalam arus dunia tanpa sempadan. Kertas kerja ini akan mengimbas pandangan Islam mengenai hak wanita dalam bidang pendidikan dan kerjaya. Panduan daripada al-Quran, sunnah, peninggalan sejarah dan contoh yang dilakukan oleh para sahabat dan sarjana Islam memberikan pengiktirafan terhadap hak wanita dalam kedua-dua bidang tersebut. Pengiktirafan ini membuktikan bahawa Islam mementingkan perkembangan diri dan pembangunan umat tanpa melihat kepada perbezaan jantina.

PENDAHULUAN

Allah telah menjadikan manusia sebagai makhluk teristimewa untuk menanggung tugas yang besar di dunia ini. Khalifah yang dinyatakan oleh Allah S.W.T. dalam al-Quran membawa pengertian yang begitu luas membayangkan manusia sebagai makhluk yang dinamik, berinovasi dan berkreaitif untuk membangunkan potensi diri masing-masing. Peranan ini meliputi kedua-dua jantina manusia sama ada lelaki atau wanita. Ini berdasarkan kepada tema dan prinsip utama dalam ajaran Islam adalah persamaan antara manusia, sama ada antara lelaki dan wanita, antara bangsa, suku dan keturunan. Titik perbezaan yang menentukan tinggi atau rendah seseorang hanyalah berdasarkan kepada nilai pengabdian dan ketakwaannya terhadap Allah S.W.T. Perkara ini telah dinyatakan dengan tegas oleh Allah S.W.T. dalam al-Quran:

* Kertas kerja ini dibentangkan di International Seminar On Muslim Women: Future & Challenges In Shaping The Ummah di Sofitel Palm Resort, anjuran Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial, Universiti Teknologi Malaysia pada 02-03 April 2005.

﴿ يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾ ﴾

Maksud: *Wahai umat manusia, sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dan lelaki dan wanita dan Kami telah jadikan kamu berbagai bangsa dan jersuku puak supaya kamu berkenalan, sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Mengenal.*

(Surah al-Hujurat, 49:13)

Kedua-dua lelaki dan wanita berasal dari satu keturunan dan sama dari segi kedudukan manusiawi secara umumnya. Ini jelas terkandung dalam firman Allah S.W.T:

﴿ يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا ﴾

Maksud: *Wahai sekalian manusia, bertakwalah kepada Tuhan-mu yang telah menciptakan kamu dari diri yang satu (Adam), dan daripadanya Allah menciptakan isterinya (Hawa); dan daripada keduanya Allah memperkembang biakkan lelaki dan wanita yang banyak.*

(Surah al-Nisa', 4:1)

Keduanya sama-sama menanggung tanggung jawab dalam kehidupan bermasyarakat, ada peranan masing-masing. Allah S.W.T. berfirman:

﴿ وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ ﴾

Maksud: *Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan wanita, sebahagian mereka (adalah) menjadi penolong bagi sebahagian yang lain. Mereka menyuruh (mengerjakan) yang ma'ruf, mencegah dari yang mungkar.*

(Surah al-Taubat, 9:71)

Rasulullah s.a.w. juga pernah bersabda (Abu Dawud, 1994: 204; al-Tirmidhi, 1994: 105; Ahmad, 1994: 24999; al-Darimi, t.t.: 757):

إِنَّمَا النِّسَاءُ شَقَائِقُ الرِّجَالِ

Maksud: *Sesungguhnya wanita itu adalah saudara kandung bagi lelaki.*

(Abu Dawud, al-Tirmidhi, Ahmad, dan al-Darimi)

Maka terbukti Islam tidak menyisihkan lelaki atau wanita, bahkan telah menghargai wanita sebagai manusia yang terhormat berbeza kedudukannya sebelum kedatangan Islam. Islam telah memuliakan wanita dan menegaskan status kemanusiaan serta kelayakannya menerima taklif dan tanggung jawab. Sebagaimana yang ditentukan ke atas lelaki, wanita juga mempunyai hak-hak kemanusiaan dalam pelbagai bidang kehidupan seperti politik, sosial, ekonomi, pendidikan, kerjaya dan lain-lain. Walau bagaimanapun, Islam sebagai agama fitrah telah menetapkan persamaan hak ini dengan mengambil kira beberapa kriteria yang berasaskan kepada fitrah semula jadi seorang lelaki dan wanita. Islam telah mengatur persamaan hak ini sesuai dengan keperluan rohani dan jasmani masing-masing yang mana hikmahnya hanya diketahui oleh Allah S.W.T. sahaja.

HAK PENDIDIKAN DAN KERJAYA

Perkataan hak dalam Kamus Dewan (2000) dinyatakan sebagai benar atau kuasa atas sesuatu untuk berbuat sesuatu (ditentukan oleh undang-undang, agama, adat istiadat dan lain-lain). Pendidikan dalam bahasa Arab pula disebut dengan perkataan "*tarbiyyah*". Perkataan ini diambil daripada kata dasarnya yang membawa erti tumbuh, berkembang, memelihara, mentadbir, meminjam dan memperbaiki. Istilah "*tarbiyyah*" bermaksud proses merealisasikan pembinaan insan, pembentukan dan pemasyarakatan seseorang individu selaras dengan dasar yang digariskan oleh sesuatu falsafah agar individu tersebut dapat menunjukkan keperibadian yang tinggi dalam setiap perilaku.

Kerjaya dalam Kamus Dewan (2000) dinyatakan sebagai perjalanan atau kemajuan seseorang dalam sesuatu lapangan kehidupan. Perkataan ini juga membawa erti profesion atau pekerjaan yang dipilih sebagai cara mencari nafkah. Kalau dilihat kepada definisi ini, kerjaya mempunyai erti yang amat luas, bukan sahaja merujuk kepada usaha-usaha yang mendatangkan pulangan bergaji secara harian atau bulanan seperti yang difahami oleh kebanyakan individu hari ini, bahkan merangkumi seluruh bidang yang diceburi oleh setiap individu. Seorang wanita atau isteri yang bertugas sebagai suri rumah juga boleh dikategorikan sebagai satu kerjaya walaupun ramai yang beranggapan bahawa mereka sebagai "tidak bekerja". Menurut Wan Mohd Nor Wan Daud (1991), budaya kerja dalam Islam merupakan satu budaya yang berpegang bahawa segala usaha bergaji ataupun tidak, mesti bersandarkan pada pengetahuan, kebenaran dan neraca keutamaan mengikut dua ajaran sumber al-Quran dan hadis.

Hak pendidikan yang dimaksudkan dalam penulisan ini ialah hak untuk mendapatkan ilmu pengetahuan sama ada belajar secara sendiri atau melalui institusi-institusi pengajian tertentu. Sementara hak kerjaya bermaksud hak untuk berkecimpung dan menceburkan diri dalam mana-mana profesion pekerjaan.

PENDIDIKAN DAN KERJAYA SEBAGAI SATU IBADAH

Pendidikan dalam Islam mempunyai kedudukan yang amat tinggi hingga dikira sebagai satu ibadah. Dalam al-Quran, Allah S.W.T. meletakkan taraf orang-orang yang berilmu dan berpendidikan kepada satu tahap yang agak tinggi:

﴿يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ﴾

Maksud: "denn orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan beberapa darjat."

(Surah *al-Mujadalah*, 58:11)

Maksud "orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan" dalam ayat adalah meliputi lelaki dan wanita.

Manakala matlamat pendidikan Islam adalah untuk membangun potensi manusia lelaki dan wanita agar mampu melaksanakan tanggungjawab melaksanakan tugas sebagai hamba dan khalifah Allah di muka bumi ini mengikut syariat ilahi. Secara umum, matlamat pendidikan Islam ialah untuk melengkapkan setiap individu dengan pengetahuan islam supaya ia dapat hidup sebagai seorang yang beriman, berakhlak, berpengetahuan dan beramal soleh. Di samping itu, pengetahuan itu juga dapat menyedarkan manusia tentang tugas utama sebagai khalifah dan hamba Allah.

Manakala kerjaya pula adalah satu kegiatan manusia yang amat dituntut terhadap setiap individu merangkumi lelaki atau wanita. Dalam Islam, tidak ada jalan lain untuk menikmati kekayaan dan rezeki kecuali dengan berusaha dan bekerja. Setiap orang yang sihat atau mampu bekerja wajiblah ia bekerja (Haron Din et.al, 1985). Islam menggalakkan umatnya bekerja dan berusaha yang diungkap dalam istilah ibadat sekiranya tindakan dan aktiviti kerjaya tersebut dilaksanakan dengan ikhlas dan tunduk kepada undang-undang dan peraturan Allah S.W.T. Mengikut Ismail Haji Ibrahim (1991), aktiviti dan amalan yang terangkum dalam kategori ini dapat diistilahkan dengan istilah ibadat umum, iaitu ibadat yang dilakukan dalam bentuk pekerjaan dan tindakan hamba Allah di ladang, kilang, pejabat, hospital, rumah dan mana-mana sahaja.

Terlibat dalam kerjaya untuk mendapatkan pendapatan yang halal adalah menjadi tanggungjawab bagi seluruh umat manusia. Dalam Islam, tanggungjawab ini berada pada peringkat kedua daripada rukun-rukun Islam seperti mendirikan solat, membayar zakat dan Iain-Iain. Rasulullah s.a.w. telah bersabda dalam satu hadis:

طلب الحلال فريضة بعد الفريضة

Maksud: "Mencari rezeki melalui kerjaya yang halal adalah perkara fardu sesudah menunaikan rukun-rukun yang fardu (solat, puasa dan Iain-Iain)"

(*Al-Tabarani* dan *al-Baihaqi*)

Banyak ayat al-Quran yang menyuruh manusia sama ada lelaki atau wanita agar bekerja dengan jayanya dalam hidup mereka. Kerjaya digambarkan sebagai sumber rezeki untuk menanggung diri sendiri, keluarga dan orang lain. Dengan berkerjaya, seseorang akan mendapat rezeki yang cukup, tidak akan bergelut dengan kemiskinan, kelemahan dan kekufuran serta tidak bergantung kepada orang lain untuk hidup dengan berjaya. Kaitan kerjaya dengan ibadat adalah amat jelas sekali kalau dilihat pada firman Allah S.W.T. dalam al-Quran seperti dalam ayat ini:

﴿ وَقُلْ أَعْمَلُوا فَسَيَرَى اللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ وَسَتُرَدُّونَ إِلَىٰ عِلْمِ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ ﴾

﴿ فَيُنْتِقِمُ بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٠٥﴾ ﴾

Maksud: "Dan katakanlah (wahai Muhammad): Beramallah kamu (akan segala yang diperintahkan), maka Allah dan Rasul-Nya serta orang-orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan; dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) Yang Mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian Ia menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan.

(Surah al-Taubah, 9:105)

Dalam doa yang diajarkan oleh Rasulullah s.a.w., manusia diajarkan memohon daripada Allah S.W.T. agar terlindung dengan-Nya daripada sifat-sifat kekecewaan, kesedihan, ketakutan, kebakhilan, kelemahan, malas dalam bekerja dan dibelenggu oleh hutang untuk hidup. Doa tersebut ialah (Abu Dawud, 1994: 1330):

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْهَمِّ وَالْحَزَنِ وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ الْعَجْزِ وَالْكَسَلِ وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ الْجُبْنِ
وَالْبُخْلِ وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ غَلْبَةِ الدِّينِ وَقَهْرِ الرِّجَالِ

Maksud: "Wahai Tuhanku, jauhkanlah aku daripada kekecewaan dan kesedihan, jauhkanlah aku daripada ketakutan dan kebakhilan, jauhkanlah aku daripada kelemahan dan bersifat malas dalam bekerja, jauhkanlah aku daripada dibelenggu oleh hutang untuk hidup dan pemaksaan orang lain."

(Abu Dawud)

Untuk berjaya dalam kehidupan sama ada di dunia atau akhirat, seseorang lelaki atau wanita perlu berusaha bekerja mendapatkan rezeki yang disediakan oleh Allah S.W.T. di samping tidak meninggalkan amal ibadat dan ingatan terhadap-Nya:

﴿ فَإِذَا قُضِيَتِ الصَّلَاةُ فَانْتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِن فَضْلِ اللَّهِ وَاذْكُرُوا اللَّهَ كَثِيرًا ﴾

﴿ لَعَلَّكُمْ تَفْلِحُونَ ﴿١٠﴾ ﴾

Maksud: Kemudian setelah selesai sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah apa yang kamu hajati dan limpah kurnia Allah, serta ingatlah akan Allah banyak-banyak (dalam segala keadaan), supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat).

(Surah al-Jumu'ah, 62:10)

HAK-HAK WANITA DALAM AL-QURAN

Al-Quran berbicara tentang wanita dalam pelbagai surah dan ayat walaupun satu surah khusus dinamakan dengan surah wanita (surah keempat dalam al-Quran dinamakan dengan surah al-Nisa'). Perkataan yang membawa kepada makna wanita atau perempuan digunakan dalam al-Quran dengan pelbagai istilah seperti *nisa'*, *mar'ah*, *zawj* atau *zawjah*, *muslimat*, *mu'minat*, *bint*, *banat* dan lain-lain (Muhammad Fuad Abdul Baqi, t.t).

Pembicaraan tersebut merangkumi dalam seluruh bidang kehidupan di dunia dan akhirat. Ada ayat yang berbicara tentang hak dan kewajipan wanita, ada pula yang menonjolkan keistimewaan dan ketokohan wanita terpilih dalam sejarah, ada juga yang menentukan hukum-hukum khusus bagi wanita, ada yang memperlihatkan sifat-sifat mereka sama ada yang baik atau buruk, ada yang menyoroti kisah-kisah yang berkaitan dengan wanita dan sebagainya. Walau bagaimanapun, tulisan ini hanya akan memperlihatkan tentang hak-hak wanita seperti yang dinyatakan dalam al-Quran:

﴿لِّلرِّجَالِ نَصِيبٌ مِّمَّا كَسَبُواْ وَلِلنِّسَاءِ نَصِيبٌ مِّمَّا كَسَبْنَ﴾

Maksud: *Orang-orang lelaki ada bahagian dan apa yang mereka usahakan, dan wanita pula ada bahagian dari apa yang mereka usahakan.*

(Surah *al-Nisa'*, 4:32)

Al-Quran dengan tegas telah memberikan satu jaminan yang pasti kepada kaum wanita untuk turut bersama-sama kaum lelaki memainkan peranan dalam kehidupan. Islam telah menyediakan dan menentukan hak-hak tersebut agar tidak disalahgunakan sebagaimana yang dilakukan oleh umat terdahulu. Antara hak yang diberikan oleh Islam kepada wanita seperti hak dalam politik, ekonomi, sosial, pendidikan, mendapatkan pekerjaan, menjalani latihan, memelihara maruah diri, pemilikan dan lain-lain.

Memandangkan hak-hak wanita yang dibincangkan dalam al-Quran terlalu luas, penulisan ini hanya akan menumpukan perbincangan hak tersebut dari sudut mendapatkan pendidikan seperti mendapat peluang menuntut ilmu, belajar, memasuki institusi pengajian dan sebagainya. Begitu juga hak dalam kerjaya seperti berpeluang untuk bekerja dan menceburkan diri dalam profesion pekerjaan. Ini berdasarkan kepada kepentingan kedua-dua bidang ini bagi seorang wanita terutama dalam kehidupan masyarakat kini.

HAK DAN KEWAJIPAN MENDAPAT PENDIDIKAN

Berdasarkan kepada wahyu pertama daripada al-Quran adalah perintah agar manusia membaca "*iqra'*" (*bacalah dengan nama Tuhanmu yang menciptakan*) atau dengan kata lain belajar, mengaji, menuntut ilmu, mendapatkan pendidikan atau pelajaran, maka jelaslah bahawa setiap individu tidak kira seorang lelaki ataupun wanita diperintahkan untuk menimba ilmu sebanyak mungkin. Rasulullah s.a.w. pernah bersabda (Ibn Majah, t.t.: 220):

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ طَلَبُ الْعِلْمِ فَرِيضَةٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ

Maksud: *Anas bin Malik berkata bahwa Rasulullah s.a.w. bersabda: "Menuntut ilmu itu wajib bagi setiap muslim".*

(H.R. Ibnu Majah)

Berdasarkan kepada tafsiran hadis ini, para ulama bersepakat menyatakan bahwa kaum wanita (muslimah) juga termasuk dalam tuntutan hadis ini. Maka wajib bagi wanita untuk mencari ilmu pengetahuan yang menguatkan keyakinan terhadap akidah, membetulkan amalan ibadah dan membentuk tingkah laku dengan akhlak Islam. Wanita dibolehkan untuk belajar hingga memungkinkan dirinya dalam peningkatan ilmu pada tingkatan ijtihad. Bahkan suami tidak berhak untuk melarang isteri daripada mencari ilmu yang wajib baginya, apatah lagi sekiranya suami tidak mampu untuk mengajar sendiri atau tidak mahu mengajar isterinya (Yusuf al-Qardhawi, 1997).

Al-Quran memberikan pujian khusus kepada *ulu al-albab*, iaitu orang yang sentiasa berzikir dan memikirkan tentang kejadian langit dan bumi. Zikir dan pemikiran tentang perkara-perkara tersebut akan menyebabkan manusia memperoleh ilmu pengetahuan. Firman Allah:

﴿إِن فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ لَآيَاتٍ لِّأُولِي الْأَلْبَابِ﴾ (190)

Maksud: *Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang yang berakal.*

(Surah Ali Imran, 3:190)

Mereka yang dinamakan oleh al-Quran dengan *ulu al-albab* ini tidak terbatas pada mana-mana jantina tertentu, bahkan merangkumi kaum lelaki dan juga kaum wanita. Perkara ini terbukti melalui frasa ayat akhir yang berbicara tentang *ulu al-albab* tersebut. Setelah al-Quran menghuraikan sifat-sifat orang yang layak digelar dengan gelaran yang mulia ini, Allah menjelaskan bahawa Dia tidak akan mensia-siakan amalan yang dilakukan sama ada oleh seorang lelaki ataupun wanita. Allah berfirman:

﴿فَأَسْتَجَابَ لَهُمْ رَبُّهُمْ أَنِّي لَا أُضِيعُ عَمَلَ عَمَلٍ مِّنْكُمْ مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ بَعْضُكُمْ مِّنْ بَعْضٍ﴾

Maksud: *Sesungguhnya Aku tidak akan mensia-siakan amal orang-orang yang beramal di antara kamu sama ada lelaki atau wanita. (Karena) sebahagian kamu adalah turunan dari sebahagian yang lain.*

(Surah Ali Imran, 3:195)

Ini menunjukkan bahawa kaum wanita juga mampu berfikir, mempelajari dan mengamalkan apa yang mereka hayati daripada zikir kepada Allah serta apa yang mereka pelajari daripada alam semesta ini. Pengetahuan yang bersangkutan dengan alam semesta

sudah semestinya berkait rapat dengan pelbagai disiplin ilmu. Jelas daripada rumusan ayat ini dapat difahami bahawa wanita bebas untuk mempelajari apa saja, sesuai dengan keinginan dan kecenderungan mereka masing-masing (Muhammad Shihab Quraish, 1996).

Melalui sejarah Islam, terdapat banyak tokoh wanita yang sangat hebat dan alim ilmu pengetahuannya dalam berbagai-bagai bidang ilmu pengetahuan hingga menjadi rujukan kepada semua golongan termasuk kaum lelaki. Isteri Rasulullah s.a.w. sendiri iaitu Aisyah r.a., merupakan seorang yang sangat luas pengetahuannya dalam bidang ilmu agama, bahkan beliau juga dikenali sebagai seorang yang pandai berhujah. Beliau juga menunjukkan ketokohnya sebagai seorang yang mencapai kedudukan ilmu tinggi, hinggakan para sahabat seperti Abu Bakar, Umar dan Osman r.a. pun bertanya kepadanya mengenai ilmu faraid. Ada hadis yang bermaksud: "*Ambillah setengah pengetahuan agama kalian dari Al-Humaira' (Aisyah)*".

Wanita di zaman Rasulullah s.a.w. amat memahami kepentingan menuntut ilmu hingga diceritakan bahawa mereka pernah memohon kepada Rasulullah s.a.w. agar baginda bersedia memperuntukkan masa yang khusus-untuk mereka mendalami ilmu-ilmu agama dan Rasulullah s.a.w. telah menerima permintaan mereka dengan baik.

Yusuf al-Qardhawi (1997) pernah menjelaskan tentang penglibatan wanita dalam majlis-majlis keilmuan apabila dikemukakan persoalan mengenai perkara ini. Beliau menyatakan bahawa kaum wanita di masa Rasulullah s.a.w. turut serta bersama-sama dengan kaum lelaki mendengar khutbah Jumaat hingga ada salah seorang antara mereka yang dapat menghafaz surah "Qaf daripada lisan Rasulullah s.a.w. sendiri kerana ia sering mendengar surah ini dibaca oleh Rasulullah s.a.w. di atas mimbar setiap hari Jumaat.

Wanita-wanita di zaman Rasulullah s.a.w. juga sentiasa mengikuti dan menghadiri majlis-majlis ilmu bersama kaum lelaki yang disampaikan sendiri oleh Rasulullah s.a.w. dan mereka tanpa segan silu mengemukakan persoalan atau pertanyaan tentang masalah-masalah agama terutama yang berkaitan dengan hukum-hukum khusus bagi wanita. Aisyah r.a. pernah memuji wanita-wanita Ansar yang tidak malu-malu untuk bertanya masalah agama walaupun yang berkaitan dengan *janabat* (Qunub), mimpi, haid, *istihadhah* dan yang lain-lain. Bahkan ada di kalangan para wanita ini yang tidak berpuas hati belajar bersama-sama kaum lelaki hingga meminta secara langsung daripada Rasulullah s.a.w. untuk diberikan peluang belajar pada masa yang khusus bagi mereka sahaja. Mereka mengatakan: "*Wahai Rasulullah, kaum lelaki telah mengalahkan kami untuk (belajar daripadamu), oleh kerana itu khususkan hari tertentu untuk kami, maka Rasulullah s.a.w. menjanjikan mereka hari tertentu untuk memberikan nasihat kepada mereka*". (H.R. Bukhari)

Imam Abu Hayyan mencatat tiga nama wanita yang menjadi guru tokoh mazhab Shafi'i, iaitu Mu'nisat al-Ayyubiyah (anak al-Malik al-Adil saudara Salahuddin al-Ayyubi), Syamiyat al-Taimiyah, dan

Zainab anak kepada ahli sejarah terkenal Abdul Latif al-Baghdadi (Abdul Wahid Wafi, 1965). Contoh wanita-wanita yang mempunyai kedudukan ilmu pengetahuan yang tinggi dan sangat dihormati oleh seluruh masyarakat adalah Al-Khunsah, Rabi'ah al-Adawiyah dan lain-lain.

Ibnu al-Mutharraf, seorang pakar bahasa, pernah memberi tunjuk ajar kepada seorang wanita tentang ilmu-ilmu bahasa Arab secara intensif. Wanita tersebut berjaya menguasai ilmu-ilmu ini hingga dapat menandingi kemampuan yang dimiliki oleh gurunya

sendiri, khusus dalam bidang puisi Wanita tersebut kemudiannya diberikan gelaran dengan nama *Al-Arudhiyat* kerana keahliannya dalam bidang ini (Abdul Wahid Wafi, 1965).

HAK DALAM MEMILIH KERJAYA

Islam tidak menyekat dan melarang umatnya sama ada lelaki atau wanita untuk berkerjaya dalam mana-mana profesion sekalipun asalkan memenuhi syarat dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T. Muhammad Zakariyya (1994) menukikkan daripada Imam Syafi'i (dalam *al-Risalah*) dan Imam Ghazali (dalam *Ihya 'Ulum al-Din*) bahawa para ulama' telah bersepakat tidak membenarkan sesiapaupun memulakan sesuatu urusan hingga mengetahui hukum Allah tentang urusan tersebut. Sementara Imam Maliki (dalam *Furu*) menegaskan jika ingin berurusniaga dan jual beli, adalah wajib ke atas dirinya mengetahui perintah Allah tentang urusan tersebut, dan jika menerima sebarang tawaran pekerjaan, wajiblah ia mengetahui terlebih dahulu prosedur dan peraturan yang berkaitan dengannya. Jelas di sini, bahawa Islam amat mementingkan ilmu pengetahuan dalam apa jua urusan yang dilakukan termasuk dalam mana-mana kerjaya yang diceburi.

Wanita juga diizinkan dalam Islam untuk turut sama mencari rezeki dalam kehidupan. Perkara ini jelas dinyatakan oleh Allah S.W.T. dalam al-Quran:

﴿ وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ وَحَمَلْنَاهُمْ فِي الْوَبْرِ وَالْبَحْرِ وَرَزَقْنَاهُمْ مِّنَ الطَّيِّبَاتِ
وَفَضَّلْنَاهُمْ عَلَى كَثِيرٍ مِّمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلًا ﴾

Maksud: *Dan sesungguhnya telah Kami muliakan anak-anak Adam, Kami angkut mereka di daratan dan di lautan, Kami beri mereka rezki dan yang baik-baik dan Kami lebihkan mereka dengan kelebihan yang sempurna atas kebanyakan makhluk yang telah Kami ciptakan.*

(Surah *al-Isra'*, 17:70)

Perkataan "anak-anak Adam" yang dimaksudkan dalam ayat tersebut pastinya merangkumi lelaki dan wanita.

Bercakap mengenai penglibatan wanita dalam kerjaya, Yusuf al-Qardhawi (1997) menyatakan bahawa Islam memberikan keizinan kepada wanita untuk bekerja di luar rumah, selama mana pekerjaan yang dilakukan itu sesuai dengan tabiat, pengkhususan dan kemampuannya dengan tidak menghilangkan naluri fitrah kewanitaannya. Kerjaya yang diceburi diperbolehkan selama mana berada dalam batas-batas dan syarat-syarat yang tertentu terutama jika dia sendiri atau keluarganya memerlukannya bekerja di luar rumah atau masyarakat itu sendiri memerlukan kerjanya" secara khusus.

Status dan keadaan wanita itu sendiri adalah pada dasarnya membolehkannya bekerja. Kemungkinan juga wanita tersebut seorang wanita janda yang dicerai suami dan belum berkahwin lain, atau kemungkinan keluarga yang memerlukan ia bekerja seperti membantu suaminya atau membantu bapanya yang sudah tua. Kadang-kadang masyarakat itu sendiri yang memerlukan tenaga kerja wanita seperti tenaga doktor sakit puan, guru untuk anak-anak perempuan dan lain-lain yang khusus bagi wanita sahaja.

Dalam surah al-Qasas, Allah S.W.T. menceritakan bagaimana dua orang puteri Nabi Syu'aib yang terpaksa bekerja kerana keadaan ayah mereka yang uzur. Allah S.W.T. berfirman:

﴿ وَلَمَّا وَرَدَ مَاءَ مَدْيَنَ وَجَدَ عَلَيْهِ أُمَّةٌ مِنَ النَّاسِ يَسْقُونَ وَوَجَدَ مِنْ دُونِهِمُ امْرَأَتَيْنِ تَذُودَانِ قَالَ مَا خَطْبُكُمَا قَالَتَا لَا نَسْقِي حَتَّى يُصَدَرَ الرِّعَاءُ وَأَبُونَا شَيْخٌ كَبِيرٌ ﴾

Maksud: *Dan tatkala ia sampai di telaga air negeri Madyan, ia dapati di situ sekumpulan orang-orang lelaki sedang memberi minum (binatang ternak masing-masing), dan ia juga dapati di sebelah mereka dua orang wanita yang sedang menghambat (kambing-kambingnya). Ia bertanya, "Apa hal kamu berdua?" Mereka menjawab, "Kami tidak dapat memberi minum (kambing-kambing kami) sehingga penggembala-penggembala itu membawa balik (binatang ternak masing-masing), dan bapa kami seorang yang terlalu tua umurnya.*

(Surah al-Qasas, 28:23)

Jika diimbas kembali sejarah penglibatan wanita dalam pekerjaan pada awal Islam, jelas memperlihatkan bahawa Islam membenarkan mereka bergiat aktif dalam pelbagai profesion kerjaya. Para wanita boleh bekerja dalam berbagai-bagai bidang, dalam ataupun di luar rumahnya, sektor kerajaan atau swasta, selama mana pekerjaan tersebut dilakukan dalam suasana yang dapat memelihara agama, serta dapat pula menghindari unsur-unsur negatif daripada pekerjaan tersebut terhadap diri dan persekitarannya. Dengan kata lain, dapat dirumuskan bahawa "wanita mempunyai hak untuk bekerja, selama mana pekerjaan tersebut memerlukannya dan atau selama mereka memerlukan pekerjaan tersebut" (Muhammad Quraish Shihab, 1996).

Pekerjaan dan tugas yang dilakukan oleh kaum wanita pada zaman Rasulullah s.a.w. tidak menunjukkan wujud sebarang bentuk diskriminasi dengan kaum lelaki. Pelbagai kerjaya dan profesion pekerjaan diceburi oleh para wanita pada masa Rasulullah s.a.w. dicatatkan dalam sejarah-islam. Mereka digambarkan bergiat cergas dan pro-aktif dalam setiap bidang pekerjaan yang diceburi. Ada di kalangan mereka yang bekerja dalam bidang perniagaan, kejururawatan, perbidanan dan lain-lain.

Dalam bidang perniagaan, nama isteri Rasulullah s.a.w. yang pertama, Khadijah binti Khuwailid telah tercatat dalam lipatan sejarah sebagai seorang ahli perniagaan yang berjaya. Isteri Rasulullah s.a.w. yang lain, Zainab binti Jahsy juga adalah antara wanita yang pro-aktif bekerja dalam sektor pembuatan seperti penyamakan dan pembersihan kulit binatang untuk dijadikan pakaian dan lain-lain. Rasulullah s.a.w. pernah menceritakan kebaikan Zainab dan menyifatkan tangannya yang panjang kerana sifatnya yang suka bekerja dan bersedekah. Rasulullah s.a.w. bersabda (Muslim, 2001: 4990):

عَنْ عَائِشَةَ أُمِّ الْمُؤْمِنِينَ قَالَتْ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَسْرَعُنَّ لِحَاقًا بِي
 أَطْوَلُكُمْ يَدًا قَالَتْ فَكُنَّ يَتَطَاوَلْنَ أَيَّتَهُنَّ أَطْوَلُ يَدًا قَالَتْ فَكَانَتْ أَطْوَلَنَا يَدًا زَيْنَبُ لِأَنَّهَا
 كَانَتْ تَعْمَلُ بِيَدِهَا وَتَصَدَّقُ

Maksud: 'A'ishah r.a. umm al-mukminin berkata bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, "Orang yang paling menyusuliku di kalangan kamu ialah orang yang panjang tangannya. Setelah mendengar demikian, mereka mengukurtangan di antara mereka. Ternyata tangan yang paling panjang ialah Zainab kerana beliau suka bekerja dengan tangannya dan bersedekah".

(Muslim)

Demikian juga Qilat Ummi Bani Anmar yang tercatat sebagai seorang wanita yang pernah datang berjumpa Rasulullah s.a.w. untuk meminta panduan dan tunjuk ajar dalam bidang perniagaan. Isteri Abdullah Ibn Mas'ud r.a. iaitu Raithah diceritakan sebagai seorang wanita yang sangat aktif bekerja disebabkan suami dan anaknya ketika itu tidak mampu mencukupi keperluan hidup mereka sekeluarga. Al-Syifa' binti Abdullah al-Adawiyah, seorang wanita yang mempunyai kepakaran dalam penulisan, ditugaskan oleh Khalifah Umar al-Khattab r.a. sebagai pegawai petugas yang menangani pengurusan pasar di kota Madinah. Dalam bidang perubatan dan kejururawatan pula, banyak hadis yang menceritakan tentang penglibatan kaum wanita. Antaranya hadis yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik r.a (Muslim, 2001: 3375):

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَغْزُو بِأُمَّ سَلِيمٍ وَنِسْوَةٍ مِنَ
 الْأَنْصَارِ مَعَهُ إِذَا غَزَا فَيَسْقِيْنَ الْمَاءَ وَيُدَاوِينَ الْجُرْحَى

Maksud: Rasulullah s.a.w. berperang bersama-sama Ummu Sulaim dan beberapa wanita Ansar, mereka bertugas menyediakan minuman dan merawat orang-orang yang luka.

(Muslim)

Walaupun sebahagian besar bidang kerjaya yang disebut dalam hadis-hadis tersebut banyak menyentuh tentang apa yang ada pada zaman itu, tetapi para ulama membuat rumusan bahawa wanita boleh melakukan pekerjaan apa pun selama mana ia memerlukannya atau pekerjaan itu memerlukan tenaga dan khidmatnya. Semua ini tertakluk kepada selama mana norma-norma agama dan susila terpelihara sepanjang pekerjaan tersebut dilakukan. Cuma beberapa perkara tambahan perlu ditelitikan bagi seseorang wanita yang berkerjaya di luar rumah. Antaranya ialah:

- (1) Memilih profesion dan bidang kerjaya yang sesuai dengan fitrah sebagai seorang perempuan atau wanita. Pemilihan ini amat penting bagi menjamin kesempurnaan kerja yang dijalankan sesuai dengan batasan hukum syariat yang ditetapkan ke atas mereka.
- (2) Melaksanakan syariat Allah dengan sempurna semasa bekerja seperti etika berpakaian yang berasaskan konsep menutup aurat, etika berhias (*tabarruj*), etika bergaul dengan rakan setugas sama ada lelaki atau perempuan dan sebagainya.
- (3) Bertanggungjawab memelihara kehormatan diri dan maruah sebagai seorang muslimah sama ada berstatus gadis, isteri dan ibu. Wanita yang bekerja perlu mengelak daripada melakukan atau menghampiri perkara-perkara yang boleh menimbulkan fitnah.
- (4) Mengurus dan membahagikan masa dengan teliti agar tidak menimbulkan suasana tidak tenteram terutama dalam sebuah rumah tangga. Wanita yang bekerja perlu membuat perbezaan dan tahu membahagikan masa antara kewajipan rumah tangga dengan kewajipan yang sewajarnya dilaksanakan di tempat kerja.

PENUTUP

Islam dengan sifatnya sebagai agama cara hidup (*din al-Hayah*) memberikan hak yang sesuai dengan kejadian manusia itu sendiri sama ada lelaki dan perempuan. Hak-hak wanita yang ditegaskan oleh Islam adalah berasaskan kepada kemuliaan wanita itu sendiri yang telah melalui zaman yang kegelapan sebelum daripada kedatangan Islam. Wanita perlu menghargainya agar tidak mempergunakan hak ini sebagai satu platform untuk mengabaikan batasan yang ditetapkan. Pelaksanaan hak yang diberikan ini perlulah bertepatan dengan prinsip-prinsip tauhid, syariah dan akhlak Islam.

Hak-hak pendidikan dan kerjaya adalah antara hak yang amat penting untuk dimanfaatkan sepenuhnya bagi peningkatan potensi diri yang akan menjamin keutuhan pembangunan dan perkembangan profesionalisme. Hari ini boleh dikatakan semua wanita terdiri dari kalangan orang-orang yang berpendidikan yang semestinya menceburkan diri dalam pelbagai profesion kerjaya. Hak untuk belajar dan berkerjaya yang dianugerahkan oleh Islam kepada wanita adalah bertepatan dengan kehendak dan perkembangan arus dunia globalisasi kini. Walaupun begitu, seorang wanita muslimah masih perlu menjaga keistimewaan hak ini agar tidak disalah ertikan daripada kefahaman Islam yang sebenar.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Wahid Wafi, Prof. Dr. 1965. *Al-Musawat fi Al-Islam*, Kaherah: Dar Al-Ma'arif.
- Haron Din, et.al. (1985), *Manusia Dan Islam*, Selangor: Hizbi Sdn. Bhd.
- Abdullah bin Muhammad Basmih.1996. *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur.
- Abu Dawud, Sulaiman al-Ash 'ath al-Sajastani. 1994. *Sunan Abu Dawud*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ahmad Hambal, Abu 'Abdullah ibn Muhammad ibn Hambal ibn Hilal al-Shaibani. 1994. *Musnad li al-Imam Ahmad ibn Hambal*. Juz. 1-12. Mesir: Dar al-Ma'arif.
- Al-Bayhaqi, Ahmad al-Hussain 'Ali Musa Abu Bakr. 1994. *Sunan al-Bayhaqi al-Kubra*. Mekah al-Mukarramah: Maktabah Dar al-Baz.
- Al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad Isma'il bin Ibrahim ibn al-Mughirah Bardazbah al-Ja'fari. 1994. *Sahih al-Bukhari*. Bairut: Dar al-Fikr.

- Al-Darimi, Abu Muhammad ‘Abdullah Bahram al-Darimi. t.thn. *Sunan al-Darimi*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Nasa’i, Abu Abd al-Rahman Ahmad Shuaib Ali Bahr Sinan Dinar al-Nasa’i. t.thn. *Sunan al-Nasa’i bi-Sharh al-Hafiz Ijlal al-Din al-Suyuti Wa-Hashiah al-Imam al-Sundi*.
- Al-Quran al-Karim.
- Al-Tarmidhi, Abu Isma’il, Muhammad ‘Isa. 1994. *Sunan al-Tirmidhi Wa-hua al-Jami’ al-Mukhtasar Min al-Sunani ‘an Rasulallah s.a.w. wa-Makrifat al-Sahih wa-al-Ma’lul wa-Maklul wa Ma’alaih al-Amal*. Bairut: Dar al-Fikr.
- Ibn Majah, ‘Abu ‘Abdullah Muhammad bin Yazid al-Qazwaini. t.thn. *Sunan Ibn Majah*. Bairut: Dar al-Fikr.
- Ismail Haji Ibrahim, Prof. 1991. *Nilai Pekerjaan Dalam Islam*, dalam Shafie Hj. Mohd Salleh & Mohd Affandi Hassan, *Kecemerlangan Pentadbiran Dasar dan Amalan Dalam Islam*, Institut Tadbiran Awam Negara.
- Jamaluddin Muhammad Mahmud, Prof. 1986. *Huquq Al-Mar’at fi Al-Mujtama’ Al-Islamiy*, Kaherah: Al-Haiat Al-Mishriyat Al-Amat.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga*. 2000. Cetakan Kelima, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Fuad Abdul Baqi, t.t, *Al-Mu’jam al-Mufaras Li Alfaz al-Quran al-Karim*, Beirut: Dar al-Qalam.
- Muhammad Quraish Shihab. 1996. *Membumikan Al-Quran: Fungsi dan Peranan Wahyu dalam Kehidupan Masyarakat*. Penerbit Mizan. Muhammad Zakariyya al-Kandahlawi. 1994. *Kelebihan Perniagaan Dan Pencarian Nafkah Hidup Dalam Islam*, Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- Muslim, Abu al-Husain Muslim b. al-Hajjaj b. Muslim al-Qushairi al-Naisaburi (2001). *Sahih Muslim*. Beirut: al-Maktabah al-Asriyyah.
- Tanpa Pengarang. 1997. *Sistem Masyarakat Islam dalam Al-Quran & Sunnah* (Malaamihu Al-Mujtama’ Al Muslim Alladzi Nasyuduh). Citra Islami Press.
- Wan Mohd Noor Wan Daud. 1991. *Budaya Kerja Bersepadu*, dalam Shafie Hj. Mohd Salleh & Mohd Affandi Hassan, *Kecemerlangan Pentadbiran Dasar dan Amalan Dalam Islam*, Institut Tadbiran Awam Negara.
- Yusuf al-Qaradhawi, Prof. 1995. *Fatawa Mu’asirah*, terjemahan H.M.H.al-Hamid al-Husaini, Jakarta: Yayasan al-Hamidy.